

**BANGSA TEGAS
NEGARA TEGUH**

Pameran DI MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR
28 OGOS — 27 SEPTEMBER 1986


Y
00089
HAL

A T U R C A R A

- 3.30 petang Ketibaan dif-dif jemputan.
- 3.50 petang Ketibaan YB Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Kebudayaan, Belia & Sukan Malaysia.
- 3.55 petang Ketibaan YAB Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.
- 4.00 petang Deklamasi Sajak.
- 4.10 petang Ucapan oleh Y. Bhg. Dato' Shahrum bin Yub, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium.
- 4.15 petang Ucapan YB Datuk Seri Sanusi Junid, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Hari Kebangsaan 1986.
Ucapan YAB Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia, dan seterusnya merasmikan pameran.
Melawat Dewan Pameran.
Jamuan ringan.
Majlis bersurai.

BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH

KOLEKSI N. A. HALIM



Logo Hari Kebangsaan 1986 menggunakan bentuk piramid sebagai asas utamanya melambangkan keteguhan dan ketegasan bangsa dan negara ini.

Bentuk piramid berwarna biru mencerminkan kesungguhan dan ketegasan dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan dan kedaulatan negara di peringkat antarabangsa.

Negara yang teguh dan masyarakat yang positif hanya dapat diwujudkan dengan adanya sokongan dan taat setia daripada rakyat. Ia dilambangkan dengan bentuk lima segi, tiga berwarna merah di sekitar piramid biru itu.

Segi tiga berwarna kuning di tengah logo berkenaan melambangkan kedaulatan raja-raja di negara ini.

Logo ini dicipta oleh pensyarah Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, Institut Teknologi Mara (ITM), Encik Hashim Hassan.

Mengenai tema sambutan 'Bangsa Tegas Negara Teguh', kerajaan telah bersetuju untuk menggunakannya bagi semua aturcara dan program kerajaan yang lain sehingga 30 Ogos 1987.



KATA-KATA ALUAN

Perdana Menteri
Malaysia


Sukacita saya mengambil kesempatan ini merakamkan sepatah dua kata di dalam buku cenderamata Pameran 'BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH' sempena Perayaan Hari Kebangsaan bagi tahun 1986 ini.

Keutuhan negara kita ini dapat dikekalkan jika sekiranya semua lapisan masyarakat dan rakyat mampu menunjukkan sikap tegas mereka dalam menjalani kehidupan harian. Ketegasan seseorang itu tidak dapat dibuktikan dengan semata-mata ikrar dan perkataan; ia hanya dapat dibuktikan oleh sikap, perbuatan serta tindakan dalam berbagai bidang dan lapangan kehidupan semenjak dari kecil hinggalah ke akhir hayat. Bagi negara kita yang berbilang kaum serta kedudukan sosio-ekonomi yang tidak seimbang antara kaum, sikap tegas dan bertanggungjawab amatlah diperlukan bagi menjamin dan mengukuhkan perpaduan dan menjaga maruah bangsa dan negara supaya dihormati oleh negara-negara lain di dunia ini.

Masih banyak lagi usaha perlu dijalankan bagi meningkatkan lagi kesedaran rakyat tentang betapa perlunya kita mempunyai sikap tegas bagi

membentuk satu bangsa yang mempunyai keperibadian tinggi. Tanggungjawab ini hendaknya janganlah dipikul oleh satu-satu pihak atau golongan sahaja, bahkan ianya adalah merupakan satu usaha kolektif oleh setiap warganegara Malaysia ini.

Saya berharap pameran 'BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH' ini akan dapat memberi kesedaran di kalangan rakyat tentang betapa perlunya kita mempunyai sikap tegas supaya dapat kita memperkukuhkan lagi negara yang kita cintai ini.



DATU SERI DR. MAHATHIR
BIN MOHAMAD
23hb Ogos 1986



KATA-KATA ALUAN

Pengerusi Perayaan
Hari Kebangsaan

Sama-sama kita bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana kemampuan Muzium Negara menyiapkan sebuah pameran yang bertajuk 'BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH' sempena Perayaan Hari Kebangsaan yang ke-29 ini. Sesungguhnya jangkamasa 1½ bulan bukanlah satu jangkamasa yang panjang bagi mempersembahkan satu-satu pameran, namun demikian dengan berkat kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Pameran dan kakitangan Muzium Negara pameran yang penuh bererti ini dapat juga dihasilkan.

Sudah menjadi satu tradisi setiap kali kita menyambut Perayaan Hari Kebangsaan, kita juga mengadakan pameran yang berkaitan dengannya. Pada tahun ini pameran bertajuk 'BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH' cuba menonjolkan beberapa aspek ketegasan sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hinggalah ke hari ini. Semuanya ini adalah merupakan sebahagian dari usaha kita dalam membentuk satu bangsa Malaysia yang tegas dan dinamik seterusnya membina satu negara yang teguh supaya tidak dapat diganggu-gugat oleh musuh

dari dalam dan luar negeri. Adalah diharapkan semoga persembahan pameran 'BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH' ini dapat dimanfaatkan oleh setiap pengunjung pameran ini nanti. Sungguhpun pameran ini merupakan salah satu sumbangan ke arah memperingati aspek sejarah yang penting dalam pembentukan negara, adalah diharapkan ianya dapat menghidupkan dan mengekalkan semangat 'merdeka' yang diperjuangkan oleh generasi terdahulu.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, kerana telah sudi merestui dan merasmikan pameran ini.

SANUSI BIN JUNID



KATA-KATA ALUAN

Ketua Pengarah
Muzium Negara

Muzium Negara sungguh merasa bertuah kerana telah diberi kepercayaan dan penghormatan sekali lagi oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia bagi menganjurkan pameran yang bertajuk "BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH" sempena Perayaan Hari Kebangsaan yang ke-29 ini.

Sungguhpun pada mulanya beberapa masalah terpaksa dihadapi oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa pameran bagi menentukan tajuk pameran ini, namun demikian setelah, tema bagi Perayaan Hari Kebangsaan diumumkan Jawatankuasa ini telah berusaha untuk menjayakan pameran ini selari dengan tema Perayaan Hari Kebangsaan iaitu "BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH".

Bagi menjayakan pameran seumpama ini bukanlah satu perkara yang mudah lebih-lebih lagi persiapannya hanya dapat diatitkan dalam jangkamasa yang singkat. Namun begitu berkat kegigihan, pengorbanan dan kerjasama yang erat dari semua pihak yang terlibat dapat juga dilaksanakan sebagaimana yang diharap-harapkan. Atas kerjasama dan bantuan yang berharga ini, hanya terima


kasih sahaja yang dapat saya berikan.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih dan setinggi tahniah kepada setiap Ahli Jawatankuasa dan individu-individu yang telah bekerja keras ke arah menjayakan pameran ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK
NEGARA"

DATO' SHAHRUM BIN YUB



PENGENALAN


Ketuhan sesebuah negara itu bergantung penuh kepada kekuatan dan kewibawaan pemerintah untuk mentadbirkannya berteraskan kepada sistem-sistem yang adil dan saksama. Di samping itu keteguhan perpaduan ketahanan rakyat dan kemuliaan akhlak mereka serta terdapatnya penerusan pemimpin-pemimpin ideal yang bijaksana serta mempunyai cerisma untuk mengukuhkan perpaduan dan menjaga maruah bangsa dan negara merupakan elemen-elemen penting untuk menjadikan sesebuah negara itu dihormati dan disegani di dunia. Sejarah tamadun umat manusia selalu mengingatkan kita betapa kemunculan, keagungan dan kehancuran sesuatu tamadun bangsa itu sebahagian besarnya berkisar di sebalik faktor-faktor tersebut.

Negara kita, Malaysia tidak terkecuali dari hakikat ini. Sejak Kerajaan Melayu Melaka diwujudkan pada tahun 1400 Masihi dan seterusnya kemunculan kuasa-kuasa penjajah asing mulai tahun 1511 hinggalah mereka mengundurkan diri pada 31 Ogos, 1957 dan wujudnya sesebuah negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat mulai tarikh tersebut, terlalu banyak

rakaman peristiwa suka duka yang dapat disaksikan di negara ini. Segala peristiwa ini dapat memberikan pengajaran kepada kita pada hari ini untuk cuba mencari kesempurnaan dan penyelesaian yang terbaik dan muktamad untuk menjadikan bangsa dan negara ini dihormati oleh negara-negara lain di dunia ini. Generasi kini harus yakin dengan matlamat ini dan mempunyai ketegasan yang jitu dan dinamik dalam memperjuangkan cita-cita yang suci murni ini.

Dalam pameran ini kita renungkan sejenak apakah landasan keteguhan negara kita dan ketegasan pemerintah, pemimpin dan rakyat untuk mendaulatkan maruah bangsa dan negara.

Sungguhpun pameran ini hanya merupakan salah satu cebisan semangat memperingati kekeramatan Hari Kemerdekaan yang ke-29 negara ini, namun adalah diharapkan rakaman-rakaman persembahannya dapat memberikan aspirasi kepada setiap warganegara untuk menjadikan konsep "Bangsa Tegas Negara Teguh" sebagai satu realiti hidup yang tidak akan padam selamalamanya.



KEGEMILANGAN DAN KEJATUHAN EMPAYAR MELAYU MELAKA

(1450–1511)

Kunggulan Empayar Melaka adalah satu kenyataan sejarah dan bukan satu legenda yang diperbesar-besarkan. Menjelang permulaan kurun ke 16 Empayar Melaka telah tersebar luas ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu termasuk Petani dan juga Kampar, Siak, Inderagiri dan Siantan di sebelah timur pantai Sumatera. Bandar pelabuhan Melaka telah menjadi tumpuan pedagang dari seluruh dunia. Kekuatan Kerajaan Kesultanan Melaka sebahagian besarnya


terletak kepada kewibawaan institusi istana yang juga merupakan tumpuan aktiviti-aktiviti harian dan punca percikan kebudayaan dan tamadun Melayu.

Sungguhpun sistem pemerintahan pada ketika itu meletakkan sultan sebagai orang yang berkuasa penuh dalam segala hal tetapi terdapat pembesar-pembesar yang ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran negara, keselamatan dan keamanan

dan juga dalam urusan negara. Sistem pentadbiran ini dikuatkan pula dengan undang-undang bertulis yang dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Undang-undang ini telah meletakkan raja mempunyai kuasa mutlak. Namun demikian apa yang lebih mengikat kesetiaan rakyat kepada raja ialah tradisi kebudayaan dan kepercayaan mereka melalui konsep 'daulat' dan 'durhaka'. Terdapat beberapa insiden yang boleh dikaitkan untuk mengukuhkan lagi kepercayaan tersebut. Dalam pada itu terdapat juga hak rakyat untuk membantah terhadap tindakan kezaliman raja seperti peristiwa pembunuhan Tun Mamat, anak Bendahara, lantas terbitlah ungkapan 'Raja Adil Raja disembah, Raja zalim Raja disanggah'.

Kegemilangan Melaka bukan sahaja dapat dilihat dari segi keunggulan sistem pemerintahannya yang sehingga kini konsepnya masih dipertahankan, bahkan mereka juga berperanan sebagai pusat penyiaran agama Islam di rantau ini. Para mubaligh telah dijadikan golongan istimewa di istana dan Islam telah diletakkan sebagai agama rasmi negara.

Sistem pemerintahan kesultanan akan hanya kuat apabila Sultan dan para pembesarnya dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan bijaksana dan adil. Sekiranya mereka lemah akan muncullah elemen-elemen perosak yang hanya menunggu peluang untuk bertapak dan membinasakan kerajaan. Hal ini telah melanda kesultanan Melaka semasa pemerintahan Sultan Mahmud. Kelemahan baginda dan ketiadaan Bendahara yang berkelibar seperti Tun Perak telah mengakibatkan jajahan takluk Melaka tidak lagi memberikan taat setia mereka kepada



Melaka. Pengkhianat-pengkhianat seperti Raja Mandaliar dan Si Kitol telah juga mengambil kesempatan

dengan menimbulkan fitnah di kalangan pembesar negeri yang akhirnya membawa akibat buruk kepada Bendahara Tun Mutahir. Di saat-saat akhir pemerintahan Sultan Mahmud seolah-olah terdapat suasana tegang dan kucar kacir dalam pentadbiran negara. Namun demikian kesetiaan Melayu tetap utuh di belakang Sultan lebih-lebih lagi semasa menghadapi musuh-musuh dari luar — Portugis. Walaupun bandar Melaka tewas dan jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 tetapi Kesultanan Melaka tetap terpelihara dibawa bersama Sultan Melaka yang melarikan diri ke Johor.



Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dalam tahun 1511 menandakan bermulanya keunggulan orang-orang Barat di Tanah Melayu. Namun demikian dalam masa 130 tahun lamanya Portugis menguasai Melaka orang-orang Melayu sentiasa mencuba menawan semula Melaka dengan melakukan serangan terbuka. Akhirnya mereka berjaya pada tahun 1642 hasil kerjasama dengan pihak Belanda.

Kehadiran kuasa Belanda di bawah Syarikat Hindia Timur (VOC) telah meletakkan negeri-negeri di sekitar Selat Melaka yang terkenal dengan kekayaan bijih timah dan rempah sebagai kawasan monopoli Perdagangan Belanda. Melaka tidak diserahkan semula kepada kesultannya tetapi telah dikuasai pula oleh Belanda dengan menjadikannya sebagai markas utamanya di Tanah Melayu.

Sejajar dengan dasar perdagangan monopolinya Belanda telah cuba memaksa penduduk-penduduk Nanning dan Rembau supaya membayar cukai 10% terhadap hasil pertanian dan ternakan. Penduduk-penduduk daerah tersebut telah bangkit menentang dan Belanda terpaksa menggunakan

kekuatan tentera dan membelanjakan hampir 8,000 felerin bagi operasi ini. Belanda juga telah memaksa negeri-negeri Melayu supaya mematuhi persetujuan perdagangan (khususnya bijih timah). Penduduk Negeri Perak telah menentang persetujuan ini dengan membunuh pegawai-pegawai Belanda di pusat-pusat perdagangan mereka.

Tentangan terhadap kekuasaan Belanda di Tanah Melayu bertambah hebat apabila orang-orang Bugis menguasai politik dan pentadbiran di Johor dan di beberapa buah negeri Melayu di Semenanjung sejak tahun 1700an. Tindakan Belanda menyerang Riau, tempat kediaman yang di-Pertuan Muda Johor, Raja Haji telah mengakibatkan Raja Haji menyerang balas dengan mengepung kedudukan Belanda di Melaka pada tahun 1784. Raja Haji tewas dalam peperangan di Teluk Ketapang dan lenyaplah impaian orang-orang Melayu untuk mengambil semula Melaka.

Sejarah penjajahan kuasa-kuasa Portugis dan Belanda di Tanah Melayu sejak tahun 1511–1824, telah membuktikan bahawa penduduk-penduduk Tanah Melayu tidak pernah mengaku kalah walaupun dari segi



ketenteraan dan politik mereka sering kecundang. Kekalahan mereka adalah disebabkan tidak wujudnya kesefahaman dan perpaduan dalam perjuangan dan kelemahan dalam sistem pentadbiran dan politik mereka. Keadaan ini

begitu ketara apabila Inggeris secara perlahan-lahan mengambil alih kuasa Belanda pada tahun 1824 dan secara tegas mencampuri hal-hal politik dan pentadbiran mulai tahun 1874.

PENJAJAHAN KUASA ASING



Inggeris telah berada di Tanah Melayu sejak tahun 1786 dengan pengambilan Pulau Pinang dan diikuti pula Singapura pada tahun 1819. Dalam kedua-dua peristiwa penyerahan pulau-pulau yang strategi ini tidak terdapat sebarang penentangan dari penduduk tempatan. Penentangan bersenjata terhadap kuasa Inggeris hanya bermula pada tahun 1831 di Nanning Melaka oleh Penghulu Nanning. Dol Said apabila Inggeris cuba menguatkuasakan cukai 1/10 daripada hasil Nanning. Perang Nanning ini mengambil masa selama 3 tahun. Ekoran daripada Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 dan campurtangan Inggeris dalam hal-hal politik dan pentadbiran di Selangor, Sungai Ujong, Pahang dan Terengganu, Inggeris telah

menguatkan lagi kedudukannya di Tanah Melayu dengan menguatkuasakan sistem pemerintahan Residen dan pengwujudan Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu tidak Bersekutu.


Pembesar-Pembesar negeri yang merasakan kedudukan mereka terjejas dan tertekan kesan daripada sistem pemerintahan yang diperkenalkan oleh Inggeris ini telah bangkit menentang secara kekerasan. Ini dapat disaksikan dalam peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak dalam tahun 1875 oleh penduduk Perak yang diketuai oleh Maharaja Lela, pemberontakan Dato Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau dalam tahun 1891, kebangkitan Tok Janggut

menentang Inggeris dan Kelantan dalam tahun 1915 dan pemberontakan Abdul Rahman Limbong di Terengganu dalam tahun 1922–1928.

Di Sabah pula penentangan terhadap penjajahan Inggeris telah dilakukan oleh Mat Salleh dalam tahun 1897–1900 ekoran daripada kegagalan pentadbir-pentadbir Inggeris mentadbirkan Sabah dengan betul. Tindakan James Brooke yang memecah belahkan orang-orang Iban di Sungai Sekarang, Sarawak juga telah mengakibatkan orang-orang Iban yang diketuai oleh Rentap menentang Inggeris di Sarawak

dalam tahun 1853. Dalam masa yang sama juga James Brooke terpaksa berhadapan dengan Syarif Masyhur di Mekah.

Hampir kesemua penentangan yang dilakukan oleh penduduk-penduduk tempatan terhadap Inggeris menemui kegagalan kerana tidak mendapat sokongan dari pihak istana atau pemerintah dan lebih bersifat kesyukuran atau kedaerahan. Namun demikian keberanian dan ketegasan perjuangan mereka telah menjadi aspirasi kepada generasi terkemudian dalam memperjuangkan nasib bangsa dan negara.





PENENTANGAN TERHADAP "MALAYAN UNION"

Dalam tempoh 70 hari sahaja, 8 Disember 1941 hingga 15 Februari 1942, kekuatan pertahanan Inggeris di Tanah Melayu dan Singapura telah rebah hancur dilanda oleh angkatan tentera Jepun. Pemerintah Inggeris telah meninggalkan Tanah Melayu yang telah sekian lama memberikan kemakmuran kepada mereka, tanpa bekalan atau bantuan, hidup di bawah naungan Kerajaan Matahari Terbit yang bercita-cita

besar untuk menubuhkan sebuah kerajaan atau "Pemerintahan Baharu Asia Timur Raya". Dalam tempoh masa lebih kurang tiga tahun menempuh kesangsaraan, penderitaan dan kepanasan suasana perang dunia kedua ini, penduduk-penduduk Tanah Melayu telah banyak mempelajari tentang erti hidup merdeka dan mengenali identiti bangsa dan negara. Gerakan nasionalisme yang telah mula terpancar sejak tahun 1920an bertambah bersemarak dihembusi oleh



semangat 'Asia untuk Asia' daripada pihak Jepun yang juga telah cuba menimbulkan rasa benci terhadap kebudayaan Barat dalam jiwa orang-orang Asia. Tekanan hidup di zaman Jepun dan asuhan 'kesedaran' oleh orang-orang Jepun begitu berkesan dalam rangka fikiran penduduk tempatan.

Tanpa menyedari hakikat ini, Inggeris telah kembali ke Tanah Melayu setelah Jepun menyerah diri pada bulan Ogos 1945, dengan tekad untuk menguasai terus Tanah Melayu dengan menjadikannya Tanah Jajahan British di bawah naungan 'Malayan Union'. Sir

Harold MacMichael telah ditugaskan untuk memberi 'kata dua' dan 'memaksa' Raja-Raja Melayu menyetujui dasar baru ini dengan menandatangani persetujuan mereka terhadap penubuhan Malayan Union tanpa diberi peluang untuk berbincang.

Bagaikan ledakan bom, penduduk-penduduk Tanah Melayu yang dipelopori oleh orang-orang Melayu di bawah kepimpinan Dato' Onn bin Jaafar telah bangkit bersatu menentang Malayan Union. Orang-orang Melayu yang selama ini tidak sekata dalam haluan gerakan politik

akhirnya telah bergabung dalam 41 pertubuhan politik yang akhirnya berjaya membentuk Kongres Melayu dengan matlamat pokoknya "menyatupadukan orang-orang Melayu dalam satu penyuaran yang kuat supaya Perlembagaan Malayan Union itu ditarik balik".

Perjuangan Kongres Melayu ini bertambah tegas dan lantang lagi apabila UMNO dilahirkan pada 11 Mei, 1946 di Johor Baharu dengan Dato' Onn sebagai yang DiPertuanya. Tunjuk perasaan dan rapat rasaksa telah diadakan di segenap pelusuk di seluruh negara. Tentangan orang-orang bukan Melayu terhadap Malayan Union tertumpu di dalam pertubuhan All Malaya

Council of Joint Action (AMCJA) yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock. AMCJA mengandungi ahli seramai lebih kurang 400,000 orang dari berbagai pertubuhan politik dan kesatuan sekerja. Reaksi ketegasan dan perpaduan penduduk-penduduk Tanah Melayu menentang penjajahan Malayan Union ini telah memaksa pentadbir Inggeris untuk menghapuskan Malayan Union dan menubuhkan pula Persekutuan Tanah Melayu, pada tahun 1948. Di atas asas ketegasan dan kekukuhan perpaduan dan perjuangan bangsa inilah akhirnya telah merintis jalan setapak demi setapak ke arah kemerdekaan negara ini pada 31 Ogos 1957.





Pada 25 Julai, 1946 sebuah jawatankuasa yang mengandungi 12 orang telah dilantik bagi menyemak cadangan-cadangan Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah dikemukakan oleh pihak Raja-Raja Melayu dan UMNO.

Jawatankuasa ini terdiri daripada:

Mr. A.T. Newbould — Ketua Setiausaha
Mr. K.K. O'Connor — Peguam Negara
Mr. W.D. Godsall — Setiausaha Kewangan
Dr. W. Linehan —
Mr. Williams —

Wakil Raja-Raja Melayu terdiri daripada:

Yang Mulia Raja Kamarulzaman bin Raja Mansur
(Raja Kecil Tengah Perak)
Yang Berhormat Dato Hamzah bin Abdullah
(Orang Kaya Menteri Selangor)
Tuan Haji Mohd Sharif bin Othman
(Setiausaha Kerajaan Kedah)
Yang Berhormat Dato Nik Ahmad Kamil
bin Mahmud
(Dato Seri Setia Raja)

Wakil UMNO:

Yang Berhormat Dato' Onn bin Jaafar
Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Mohd Yassin
Mr. D.C. Watherston — Setiausaha

Jawatankuasa ini telah bersidang dari 6 Ogos, 1946 hingga 11 November 1946 dan hasilnya satu penyata telah dibuat dan ditandatangani pada 18 November 1946. Berdasarkan kepada penyata inilah lahirnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari, 1948 bagi menggantikan Malayan Union. Ini adalah kemenangan pertama rakyat Tanah Melayu yang dipimpin oleh UMNO untuk mengembalikan kedaulatan raja dan hak rakyat yang dirampas oleh Malayan Union dan sebagai langkah pertama ke arah berkerajaan sendiri.

KE ARAH KEMERDEKAAN

Bermula dari tarikh tersebut liku-liku menuju kemerdekaan sepenuhnya semakin terang dan mudah. Perjuangan UMNO juga menampakkan perubahan yang jelas — daripada "Hidup Melayu" kepada 'Merdeka'. Tunku Abdul Rahman menjadi pahlawan terbilang UMNO dalam setiap detik perjuangannya.

Dalam bulan Disember, 1951 semasa Pilihanraya pertama di peringkat Municipal Kuala Lumpur hendak diadakan UMNO telah bergabung dengan MCA dengan tujuan untuk bertanding dalam pilihanraya tersebut. Parti Perikatan UMNO — MCA telah memenangi 9 dari 12 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan ini telah mendorong UMNO untuk meluaskan lagi gabungan Perikatan dengan pihak-pihak lain dengan tujuan untuk Kemerdekaan Tanah Melayu dan mendesak kerajaan supaya Pilihanraya Federal diadakan pada tahun 1954. Salah satu usahanya ialah mengadakan Perhimpunan Kebangsaan (National Convention) pada 23 Ogos, 1953 dengan 13 buah pertubuhan yang beraneka corak dan mewakili berbagai keturunan. MIC telah menyertai Perikatan dalam



tahun 1954. Desakan Perikatan semakin berani, tegas dan lantang menentang dan memulaukan Kerajaan sekiranya tuntutan mereka tidak ditunaikan. Dalam Pilihanraya Federal pada 27 Julai 1955 Perikatan telah memenangi 51 Kerusi daripada 52 Kerusi yang dipertandingkan. Mulai dari saat ini bertukarlah corak pemerintahan Kolonial kepada corak berkerajaan sendiri dengan Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri.

Pada 1 Januari, 1956 Rombongan Kemerdekaan telah bertolak ke London untuk merundingkan Kemerdekaan Tanah Melayu.

Rombongan ini terdiri daripada:

1. *Wakil Raja-Raja Melayu:*—
 YB. Dato' Panglima Bukit Gantang
 — Menteri Besar Perak
 YB. Encik Abdul Aziz bin Hj. Abdul Majid
 — Menteri Besar, Selangor
 YB. Dato' Mohd Seith bin Mohd Said
 — Timbalan Menteri Besar Johor
 YB. Dato' Nik Ahmad Kamil bin Hj. Muhamad
 — Menteri Besar Kelantan.
2. *Wakil-Wakil Parti Perikatan:*—
 YTM Tunku Abdul Rahman Putra
 — Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu
 YB. Dato' Abdul Razak bin Husain
 — Menteri Pelajaran
 YB. Kolonel H.S. Lee
 — Menteri Pengangkutan
 YB. Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman
 — Menteri Hasil Bumi

Pada 20 Februari, 1956, sekali lagi Melaka telah dibanjiri oleh pejuang-pejuang kemerdekaan dari seluruh negara untuk menyambut kepulangan pahlawan-pahlawan mereka dari London. Buat pertama

kalinya pekikan MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA bergema berlarutan-larutan di Padang Pahlawan Bandar Hilir dan disambut dengan air mata kesyukuran.

Pada tengah malam 31 Ogos 1957, turunlah bendera Union Jack dan dikibarkan pula bendera Persekutuan Tanah Melayu dan lahirlah sebuah negara baru yang merdeka dan berdaulat. Ketegasan bangsa dan keteguhan negara terpancar megah bersama pekikan MERDEKA yang dilaungkan oleh Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putera di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957. Bermulalah satu era baru dalam detik-detik sejarah negara.



KETAHANAN RAKYAT


Kegiatan keganasan gerila-gerila komunis di Tanah Melayu dikaitkan dengan Parti Komunis Malaya (PKM) yang dipimpin oleh Chin Peng. Sebilangan besar daripada anggota PKM terdiri daripada kaum Cina dan penubuhan PKM itu sendiri berkaitan rapat dengan pergolakan yang berlaku di Negeri China sejak tahun 1920an. Doktrin Komunisme telah diresapkan di sekolah-sekolah Cina dan pertubuhan-pertubuhan politik kiri dan

kesatuan sekerja seperti Malayan Democratic Union, Malayan New Democratic Youth League, Malayan People's Anti Japanese Ex Service Comrades Association yang bergabung dengan AMCJA dan juga PUTERA. Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1948 merupakan satu pukulan hebat kepada kumpulan sayap kiri dan PKM telah menggunakan alasan ini dan keputusan Kongres Pemuda Asia di Calcutta pada bulan Februari 1948 untuk menggunakan

kekerasan menentang kerajaan dengan tujuan untuk merampas kuasa.

Dengan tegas kerajaan telah mengisytiharkan keadaan darurat dalam bulan Jun 1948 dan memerangi gerila-gerila komunis di segenap penjuru. Dalam tempoh 12 tahun keadaan darurat menyelubungi Tanah Melayu rakyat telah ditimpa berbagai kesangsaraan. Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar untuk mengawal keadaan dan perasaan perkauman bertambah


meruncing kerana sebilangan besar daripada gerila-gerila komunis terdiri daripada kaum Cina dan pasukan keselamatan pula terdiri dari kaum Melayu. Sungguhpun begitu marah terhadap British semasa berhadapan dengan Malayan Union tetapi mereka tetap menyokong kerajaan apabila menghadapi ancaman komunis. Pasukan-pasukan Sukarela seperti Home Guard, Special Constable dan juga Askar Melayu dan Polis telah diperbesarkan bagi menghadapi



ancaman. Di samping tindakan tentera usaha-usaha lain telah juga dijalankan bagi menyekat kegiatan PKM seperti kempen kesedaran di kalangan rakyat dan yang paling berkesan sekali ialah pelaksanaan Rancangan Brigg di mana penempatan semula telah dilakukan terhadap penduduk-penduduk yang terlibat dalam kawasan hitam ke perkampungan baru yang dikawal rapi.

Setelah Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1955 beliau bersama Tan Cheng Lock dan David Marshall telah menemui ketua-ketua PKM, Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Mydin di Baling untuk membuat

penyelesaian tetapi gagal. Peristiwa darurat, pemberontakan PKM, dan kejayaan kerajaan dan rakyat Tanah Melayu menentang pengganas-pengganas komunis telah memaksa kerajaan untuk menjadikan apa juga kegiatan komunis sebagai musuh negara. Peristiwa ini juga telah memberikan pengertian bahawa ketahanan rakyat adalah benteng utama dalam menghadapi ancaman-ancaman musuh.



PERLEMBAGAAN MALAYSIA


Perlembagaan Malaysia merupakan asas pentadbiran yang dibentuk untuk menjamin kedaulatan dan keharmonian negara. Ia menyentuh semua aspek, termasuklah Negeri-Negeri, Undang-Undang Persekutuan, Kebebasan Asasi, Kewarganegaraan, Persekutuan (Kepala Utama Negara, Majlis Raja-Raja, Pemerintah, Badan Perundangan dll), Pembahagian Beban Kewangan, Tanah, Pembangunan Negara, Peruntukan Kewangan, Pilihanraya, Perhakiman, Perkhidmatan Awam dll.

Perlembagaan Malaysia sekarang adalah berdasarkan kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Sebuah perlembagaan baru telah dibuat menerusi sebuah Suruhanjaya Bebas dibentuk pada bulan Mac 1956 terdiri dari wakil kerajaan India, Pakistan, Australia dan Britain dengan diketuai oleh Lord Reid. Setelah rundingan di antara Perikatan dan kerajaan British di mana Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada awal Ogos 1957, Malaya diisytiharkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat pada 31 Ogos 1957 dengan sebuah perlembagaan negara yang tersendiri.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA

Suruhanjaya Pilihanraya adalah satu badan bebas yang ditubuhkan mengikut perkara 114 Perlembagaan Persekutuan. Pengerusi serta ahli-ahlinya dilantik oleh DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Secara ringkas, tujuan dan dasar Suruhanjaya ini ialah untuk menjaga konsep demokrasi melalui pilihanraya (Pilihanraya Umum dan Pilihanraya Kecil) yang adil dan saksama setelah Parlimen dibubarkan. Setiap rakyat yang berkelayakan berhak membuat undian mereka secara langsung dalam mana-mana pilihanraya tersebut. Ketegasan pucuk pimpinan negara dalam melaksanakan dasar-dasar ini telah berjaya membuktikan sebuah negara yang aman dan makmur melalui wakil-wakil pilihan mereka.



DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

Falsafah Dasar Pelajaran Kebangsaan adalah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang akan memenuhi keperluan-keperluan negara dan menggalakkan pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik masyarakat berbilang kaum negara ini dengan menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama. Laporan Razak 1956 yang dikanunkan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 merupakan asas kepada 'Dasar Pelajaran Kebangsaan'. Ini disusuli pula dengan Akta Pelajaran 1961 ekoran daripada Penyata Abdul Rahman Talib.

Pemilihan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan negara ini ada ditegaskan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (disemak pada tahun 1971). Bagi melaksanakan

aspirasi ini usaha-usaha yang tegas, positif dan dinamik telah diadakan dari semasa ke semasa seperti melancarkan kempen Bulan Bahasa dan juga peranan-peranan tegas yang dimainkan oleh institusi-institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, akhbar-akhbar, mas-media kerajaan, penubuhan Universiti Kebangsaan dan juga peranan tokoh-tokoh tertentu seperti Tan Seri Syed Nasir Ismail, Dato' Abdul Rahman Yaakob, Aminuddin Baki dan lain-lain lagi.

Kesan daripada ketegasan kerajaan dan rakyat dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan ini, Bahasa Malaysia telah mula diiktiraf sebagai bahasa ilmu pengetahuan hingga ke peringkat universiti dan menjadi bahasa pertuturan harian segenap lapisan masyarakat Malaysia dan konsep 'Bahasa Jiwa Bangsa' telah menjadi kenyataan.





KETEGASAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Pada 31 Ogos, 1957 Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan perlembagaan menjadi asas undang-undang di negara ini. Tugas utama kerajaan di dalam sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat ialah untuk menguatkuasakan undang-undang demi untuk memelihara ketenteraman awam, mengekal keamanan dan keselamatan, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa orang-orang yang melakukan kesalahan jenayah dan mengumpul risalah keselamatan. Itulah sebabnya kerajaan bersikap tegas dan mempunyai undang-undang yang ketat seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Di dalam akta tersebut sesiapa yang disyaki mungkin akan atau sedang mengancam ketenteraman negara boleh dipenjarakan tanpa soal dan hukuman mati di bawah Akta Senjatapi 1971.

Kerajaan juga menganggap 'Dadah' sebagai masalah keselamatan yang utama. Penagihan dadah dan pengedar dadah ini telah merebak sehinggalah kerajaan merasa ia akan menjejaskan ketahanan

rakyat dan negara. Usaha-usaha bagi menyelesaikan masalah ini adalah dilakukan melalui undang-undang seperti Akta Dadah Berbahaya 1952 dan beberapa pindaan telah dibuat seperti Akta Dadah Berbahaya (langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang mana hukuman mati mandatori dikenakan ke atas seseorang yang mengedar dadah.

Begitu juga soal mengenai Akta Rahsia Rasmi 1972 yang telahpun berkuatkuasa yang membolehkan hukuman denda dan juga penjara atau keduanya sekali. Rahsia-rahsia rasmi kerajaan tidak boleh disiarkan di mana-mana akhbar atau majalah dan kerajaan boleh mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa yang membocorkan rahsia kerajaan samada dengan tujuan menjejaskan keselamatan negara atau sebaliknya.


Di dalam pameran ini mencerminkan ketegasan kerajaan di dalam menguatkuasakan undang-undang bagi keselamatan rakyat yang berbilang bangsa dengan hukuman-hukuman yang berat dengan tidak mengira bangsa dan agama. 'Yang Salah Tetap Salah'.

Dalam melaksanakan konsep Bersih, Cekap dan Amanah dengan tujuan untuk membentuk sebuah negara yang bermaruah dan dapat diteladani oleh negara membangun yang lain Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pendekatan baru dalam aspek pentadbiran. Objektif utama memperkenalkan tindakan-tindakan baru ini ialah bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan awam yang secara langsung akan dapat melicinkan lagi jentera pentadbiran kerajaan dalam memaju dan membangunkan negara. Di antara konsep-konsep baru yang diperkenalkan di dalam segi pentadbiran ialah:—

1. Sistem Perakam Waktu
2. Tanda Nama
3. Fail Meja
4. Manual Prosedur Kerja
5. Khidmat Cemerlang
6. Kepimpinan Melalui Teladan
7. Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja
8. Peti Cadangan
9. Pengurusan Melalui Mesyuarat
10. Pejabat Pelan Terbuka
11. Sistem Surat Menyurat Di Pejabat
12. Pengurusan Harta Benda Kerajaan

Adalah diharapkan dengan memperkenalkan pendekatan secara baru ini pihak Kerajaan dengan tegas dan berani dapat mewujudkan satu era baru dalam sejarah pentadbiran negara ini. Bukti-bukti menunjukkan memang terdapat perubahan di dalam perjalanan sistem pentadbiran negara ini sejak konsep baru ini diperkenalkan. Dari apa yang dapat dilihat jelas menunjukkan kemajuan dan prestasi yang meningkat dan memberi keselesaan di dalam pengurusan dengan orang ramai.

Kemajuan ini juga adalah penting kerana ia ada kaitannya dengan salah satu lagi konsep baru yang diperkenalkan oleh kerajaan iaitu Persyarikatan Malaysia di mana pihak perkhidmatan awam dan pihak swasta menganggap negara ini sebagai sebuah persyarikatan di mana perlunya tolong menolong di antara satu dengan lain demi untuk memajukan negara.



SISTEM PENTADBIRAN BARU



HUBUNGAN KEMANUSIAAN MELALUI DIPLOMATIK

Sebagai sebuah negara yang dihormati dan disegani, Malaysia mengambil pendirian yang tegas di dalam isi-isu antarabangsa seperti hak asasi manusia, pencerobohan kuasa-kuasa besar ke atas negara-negara lemah dan penindasan dan keganasan kaum minoriti kulit putih ke atas majoriti kulit hitam di Afrika Selatan. Perdana Menteri Malaysia dan Timbalannya kerap menyuarakan bantahan dan pendirian Malaysia di Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga di persidangan ketua-ketua negara di tempat-tempat lain. Oleh kerana Malaysia berpegang teguh kepada pendirian *anti-apartheid*, kerajaan dengan tegas tidak mengadakan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Afrika Selatan.

Malaysia juga adalah negara yang menyintai keamanan. Deklarasi Kuala Lumpur telah membawa kepada wujudnya kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali atau ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom and Neutrality) di rantau Asia Tenggara.

Atas pendirian tegas Malaysia di dalam menentang keganasan, pencerobohan dan penindasan,

dan usaha-usaha gigih ke arah mencari keamanan, Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang teguh dan amat dihormati. Bagi membantu masyarakat antarabangsa yang diancam malapetaka dan kebuluran, Malaysia tidak ketinggalan menghulurkan bantuan dalam bentuk makanan, keperluan hidup dan wang ringgit seperti yang terbukti dalam bantuan kepada Mali dan rakyat Afrika yang kebuluran dan juga Bangladesh.



Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, Malaysia mengiktiraf hak-hak asasi manusia dan memberi jaminan supaya hak-hak kebebasan rakyat sentiasa terpelihara, tertakluk kepada undang-undang dan falsafah negara. Dengan itu tiap-tiap kaum dapat hidup dengan aman dan harmoni serta dapat mengamalkan kepercayaan agama dan kebudayaan masing-masing.

Kebebasan beragama memang telah dijamin dan kerajaan ingin melihat perkembangan

agama lebih meluas lagi di Malaysia. Semua rakyat berhak memilih agama masing-masing. Ini telah ditegaskan dalam Perlembagaan Persekutuan, Bahagian I, Perkara 3(1) dan Perkara 11(1) seperti berikut:—

Agama bagi Persekutuan

3(1) Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Kebebasan agama

11(1) Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkan agamanya.

TOLERANSI BERAGAMA



Bangsa tegas negara
teguh
adalah sebuah lampu
alam
di ladang hijau
bangsa yang mendodoi kasih
dan menggengam negaranya
sendiri
mengetahui erti kira-kira
pelarian
sudut sepi dan menanti
atau batas muda mudi
jika tidak selamanya
bangsa menggigit ranting mati

Logo yang ada
adalah wajah ibunda
mengalir sebuah sungai biru
yang cantik dari hujung langit
dan di kiri kanan
kota-kota gagah berdiri

Dan suatu kisah lampau
adalah daun-daun sejarah
pertimbangan
untuk generasi mengenal
lorong-lorong gelap
lihatlah kegemilangan
kesultanan Melaka
Melaka membina titian
penentuan
rantau dan dunia
wang-wang perdagangan
berlonggok di pantai pasirnya
dan kejatuhan Melaka
meleburkan segala harta
bernama kegemilangan
dan mentari segera
menyejukkan tubuhnya
kerana malu kepada kelemahan
duit-duit Melaka menjadi
makanan anai-anai
pengajaran tanpa tegas sultan

dan pembesar-pembesarnya
sultan Melaka akhirnya tak
bertanda
dan bangsa asing bersorak sorai
Melaka alah

Bermula satu lembaran sejarah
penjajahan kuasa-kuasa asing
di rantau ini
Portugis, Belanda, Inggeris dan
Jepun
kota yang ditinggalkan
adalah asap-asap sampah
bangunan-bangunan yang
ditinggalkan
adalah besi-besi menikam
jantung
Inggeris hanya perampas hak
dan perhitungan terkumpul
sudah
J.W.W. Birch maut
Pasir Salak menelannya
bersama darah

Bangsa sudah mengenal Raja
Haji
dan akan Perjanjian Pangkor
apalagi Dol Said
Datuk Maharaja Lela, Bahaman
Mat Kilau, Tuk Janggut
Abdul Rahman Limbong
Mat Salleh, Rosli Dobi

Apabila Jepun meninggalkan
pedangnya
sebelumnya Inggeris
mengenalkan senapangnya
Belanda dengan meriamnya
ah apakah bangsa tidak
mengetahui Taming Sari
bangunlah serentak
dan Malayan Union terkubur

rasaksa Melayu muncul
tiap tanah dipijak
bergegar seluruh bumi

Mencium arah kemerdekaan
melihat kecantikan tubuh
sendiri
tampan, tegas dan sasa
Datuk Onn Jaafar
membangunkan seluruh
kelengkapan negara
rakyat menikmati manisannya
hingga ke dinding hati

Umno dan perikatan
mencermin diri
tingkat-tingkat bangunan
bersama
rakyat bukan untuk di tanah
gersang
dan perjanjian kemerdekaan
di London
sebuah kerusi emas untuk
Tuanku Abdul Rahman
bergaya untuk seluruh dunia
kembalinya mereka di Melaka
seluruh anak-anak merdeka
membuangkan nafas dendam
dan gelap penjaranya
dan tersedutlah udara baru
segar berembun setiap detik
bendera Union Jack terkubur
dan bendera Persekutuan
Tanah Melayu
di padang Kelab Sulaiman
menari-nari puteri kayangan

Inilah bangsa penentang
keganasan komunis
meruntuhkan tabir besi
dan mengkebumikan segala
kepalsuan

SAJAK

BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH

oleh: A. Ghani Abdullah

PKM tersungkur
Baling merejamnya
S.C., Home Guard dan Rela
menggantung Chin Peng tak
bertulang
dan akhirnya darurat diracun
oleh sotong alam

Perlembagaan Malaysia
adalah gaya bangsa
untuk seluruh generasi
menuju perjalanan hadapan
bendera, lagu dan bunga raya
negara
berkibar, merdu dan segar
parlimen piano hidup
demokrasi
dan agama untuk erti seluruh
dan ketegasan undang-undang
kita
akta dadah merbahaya
hukuman:
tubuh hilang hanya tinggal
pakaian
akta ISA, senjata api, akta
rahsia rasmi
adalah penentu pencakar
langit lidah bangsa
penegak tiang cahaya
penanam benih suci
pencangkul udara subur
tanyalah Tan Sri Abu Talib
tanyalah Tan Sri Hanif Omar
hidup ini bukan untuk
yang hidup
tetapi untuk yang
bakal lahir
yang melambai semangat
bersama
kerana sejarah telah
mempotretkan wajahnya

Tun Razak dan DEB
adalah ladang air terjun
adalah kampung-kampung
bunga
adalah pulau-pulau burung
adalah kota-kota perahu
dan seluruhnya memberikan
bintang-bintang
negara yang berkilau-kilau
rakyat: berilah tepukan
gemuruh
dan Tun Hussein Onn itu!

Mahathir dan proton saga
adalah tembok besar negeri
Cina
adalah menara condong pisa
adalah piramid
adalah taman tergantung,
Babylon
adalah Taj Mahal
malah lebih dari itu

Dan dasar pelajaran
kebangsaan
Aminuddin Baki, membina jet
tekad bangsa
Zaaba memberi gelombang
bahasa jiwa bangsa
Tun Abdul Rahman Yaakob
pelari terpanas membawa
obor bahasa
ke tengah gelanggang hati
rakyat


SITC mendukung kedaulatan
generasi
DBP dan Sayed Nasir adalah
berlian bahasa
di bumi ibunda

Kini di bawah awan bayang
tiada tercemar
air seperti cermin di batu-batu
kehidupan bangsa seperti
mempelai
pada hari perkahwinan
buminya salji hari ditaburkan
bunga-bunga
cermin negara sihat berkilau

dan pentadbiran baru
membawa kunci pewangi
berbaris ladang menerima
jentera
berbaris kilang merakam waktu
sejarah
berbaris pemimpin membedah
penyakit
atas tanda nama di pintu
maruah

Dan dunia mengenal bangsa
bermaruah
kita menghulur kampung
bangsa untuk
mangsa kebuluran Afrika
kita membakar legam dasar
apatheid
kita memilih perahu keamanan
bukan rel kemusnahan

kita beragama bukan tiket
tempat letak kereta
bukan serigala yang menyalak
bulan
bukan kasut wanita sebelah
kita beragama kita mematuhi
ajarannya
merdeka!



JAWATANKUASA KECIL PAMERAN HARI KEBANGSAAN 1986

- | | |
|--|-------------------------------|
| 1. Dato' Shahrum bin Yub | — Jabatan Muzium (Pengerusi) |
| 2. En. Kamarul Baharin b. Buyong | — Jabatan Muzium |
| 3. Dr. Othman bin Mohd. Yatim | — Jabatan Muzium |
| 4. Encik Adi bin Haji Taha | — Jabatan Muzium |
| 5. Encik Mohd. Redzuan bin Tumin | — Jabatan Muzium |
| 6. Tuan Haji Zainuddin bin Shariff | — Jabatan Muzium |
| 7. Encik Mohd Kassim bin Haji Ali | — Jabatan Muzium |
| 8. Y.M. Raja Azaham bin Raja Adnan | — Jabatan Muzium |
| 9. Encik Sulaiman b. Sarijan | — KKBS |
| 10. Encik Mansor b. Manan | — BPTU, Kem. Pelajaran |
| 11. Encik Syed Jamaluddin b. Syed Sulong | — Jabatan Muzium |
| 12. Puan Fadiah bt. Abdul Latif | — Jabatan Muzium |
| 13. Puan Maimunah bt. Hj. Mohd Said | — Jabatan Muzium |
| 14. Puan Hajjah Norpisah bt. Musa | — Jabatan Muzium |
| 15. Puan Raiha bt. Mohd Saud | — Jabatan Muzium |
| 16. Encik Mohd Yassin bin Ibrahim | — Jabatan Muzium |
| 17. Encik Mohd Radzi b. Hj. Ahmad | — Jabatan Muzium |
| 18. Encik Abdullah bin Abu Hassan | — Jabatan Muzium |
| 19. Encik Amat Suanti b. Hj. Sarmin | — Jabatan Muzium |
| 20. Encik Paiman bin Keromo | — Jabatan Muzium |
| 21. Cik Janet Tee Siew Mooi | — Jabatan Muzium |
| 22. Encik Lim Tong Juan | — Jabatan Muzium |
| 23. Encik Zainal bin Jaafar | — Jabatan Muzium |
| 24. Encik Zawawi bin Hj. Itam Osman | — Jabatan Muzium (Setiausaha) |

KALUNGAN BUDI

Jabatan Perdana Menteri

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Kementerian Pelajaran Malaysia

Jabatan Penerangan (Perpustakaan Foto)

Jabatan Penjara Malaysia

Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri

Radio dan Televisyen Malaysia

Pasukan Pertugas Anti Dadah
Jabatan Perdana Menteri

Akhbar-Akhbar Tempatan

dan

Orang-orang perseorangan yang telah memberikan bantuan dan kerjasama untuk menjayakan pameran "BANGSA TEGAS, NEGARA TEGUH".
